



**PEKELILING
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 12/ 1976**

*Perwakilan Kuasa kepada Pemungut-pemungut
Hasil Tanah Di Bawah Kanun Tanah Negara*

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pemungut-pemungut Hasil Tanah tentang perlunya diketahui bahawa sebilangan kuasa-kuasa di bawah Kanun Tanah Negara telah diwakilkan kepada mereka dari masa ke semasa.

2. Di bawah seksyen 13 Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri diberi kuasa untuk mewakilkan kepada mana-mana Pemungut mana-mana kuasa atau tugas-tugas yang diberi kepada atau dikenakan ke atas Pihak Berkuasa Negeri dan perwakilan tersebut hendaklah dibuat melalui satu kenyataan yang dikeluarkan dalam Warta Kerajaan. Tiap-tiap pegawai yang ada kaitan atau mempunyai tugas dalam memproses sesuatu permohonan yang perlu ditimbang (diselesaikan) mengikut kuasa-kuasa yang diwakilkan itu perlulah diberi satu salinan Pemberitahu Warta untuk panduannya. Pegawai-pegawai tersebut ialah:

- (a) Pegawai yang bertanggungjawab merangka draf kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan;
- (b) Pegawai yang bertanggungjawab membuat apa-apa syor mengenai permohonan-permohonan untuk pelepasan tanah Kerajaan (memberi milik, lesen tumpangan sementara atau permit), untuk pecah sempadan, pecah bahagian, penyatuan tanah dan untuk perubahan kegunaan tanah di bawah seksyen 124 Kanun Tanah Negara;
- (c) Pegawai Petempatan yang melaporkan sesuatu permohonan dan kerani yang bertanggungjawab bagi unit berkaitan dengan kerja-kerja di perenggan (b) di atas.

Pembekalan salinan-salinan perwakilan kuasa pegawai-pegawai tersebut adalah perlu untuk menjamin supaya mereka mempunyai penuh kesedaran terhadap Pihak berkuasa yang boleh meluluskan tiap-tiap permohonan yang diprosesnya. Di satu daerah sebilangan permohonan tanah telah salah diluluskan oleh Pihak Berkuasa iaitu oleh Pegawai yang tidak diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh kerana tidak ada kesedaran tentang kuasa yang diwakilkan.

3. Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dengan ini di nasihatkan supaya memastikan bahawa salinan-salinan Pemberitahu Warta yang menyatakan perwakilan kuasa oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada Pemungut-pemungut Hasil Tanah dibekalkan kepada pegawai yang dirujuk di perenggan 2 di atas untuk panduan mereka.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD NOR,
Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan

P.T.TM 43/69-1

Kuala Lumpur,
Julai, 1976